




'ULUM HADIS

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- (a) Mengenali dan memahami 'Ulum Hadis: Peserta akan memahami maksud 'ulum hadis, perbezaan istilah, kepentingan hadis, serta penolakan dakwaan antihadis dan orientalis.
- (b) Klasifikasi Hadis berdasarkan bilangan perawi: Peserta akan belajar tentang Hadis Mutawatir dan Hadis Ahad, termasuk contoh-contohnya.
- (c) Perincian Hadis Maqbul: Peserta akan memahami Hadis Sahih dan Hadis Hasan, termasuk syarat-syarat, pembahagian, dan hukumnya.
- (d) Perincian Hadis Mardud: Peserta akan mempelajari Hadis Daif dan sebab-sebab ia menjadi daif, serta hukum beramal dengannya.
- (e) Klasifikasi Hadis berdasarkan sandaran: Peserta akan memahami Hadis Qudsi, Hadis Marfu', Hadis Mawquf, dan Hadis Maqtu' berserta contoh-contohnya.



SESI PERTAMA




PENGENALAN 'ULUM HADIS

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) Peserta akan memperoleh pemahaman tentang pengertian 'ulum hadis, perbezaan beberapa istilah berkaitan hadis, kepentingan dan kedudukan hadis serta penolakan terhadap dakwaan golongan anti hadis dan orientalis.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Kedudukan Hadis sebagai Sumber Kedua dalam Islam
- Pengertian 'Ulum Hadis
- Perbezaan antara Hadis, Sunnah, Athar dan Khabar
- Kepentingan 'Ulum Hadis
- Menolak Dakwaan Golongan Antihadis dan Orientalis
- Penutup



PENDAHULUAN

Ilmu hadis merupakan satu cabang ilmu yang sangat penting. Dengan mempelajari ilmu ini, seseorang akan mengenali hadis-hadis Nabi SAW dengan lebih dekat lantas menyuburkan lagi rasa cinta terhadap Baginda SAW. Mempelajarinya juga menjadikan seseorang itu mulia dan mendapat kelebihan yang tersendiri.

Daripada Zaid bin Thabit, Nabi SAW bersabda:

نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا حَدِيثًا فَحَفِظَهُ حَتَّى يُبَلِّغَهُ غَيْرَهُ. فَإِنَّهُ رَبٌّ
حَامِلٌ فِقْهٍ لَيْسَ بِفَقِيهِ وَرَبٌّ حَامِلٌ فِقْهِ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ.

Ertinya: “Semoga Allah mencerahkan wajah seseorang yang mendengar hadisku, lalu dia menghafalnya dan menyampaikannya kepada orang lain. Boleh jadi seorang pembawa ilmu itu tidak memahaminya dan boleh jadi seorang pembawa ilmu itu membawa ilmu tersebut kepada orang yang lebih memahaminya.”

(Riwayat Ahmad, no. 21,590)

Kata Sufyan bin ‘Uyaynah, “Setiap orang yang mempelajari hadis selalu terdapat cahaya pada wajahnya kerana sabda Nabi SAW, ‘Semoga Allah mencerahkan wajah seseorang yang mendengar hadisku lalu menyampaikannya.’”

Semoga kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang Allah berikan kecerahan. Menurut al-Ramahurmuzi, salah satu maksudnya ialah semoga Allah membawa orang tersebut kepada kecerahan syurga.

Kedudukan Hadis sebagai Sumber Kedua dalam Islam

Dalam Islam, hadis merupakan sumber kedua selepas al-Quran yang wajib diitaati dan diikuti. Saranan dan gesaan supaya umat Islam sentiasa merujuk kepada hadis dapat dijelaskan seperti berikut:

1. Umat Islam disuruh mentaati Nabi SAW. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya – jika kamu beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.”

(Surah an-Nisa’ 4: 59)

Dalam konteks ayat ini, maksud tuntutan supaya kembali kepada Allah SWT ialah merujuk kepada al-Quran. Maksud kembali kepada Rasulullah SAW pula ialah merujuk kepada Nabi SAW secara langsung sewaktu Baginda masih hidup dan hadis atau sunnah Baginda setelah kewafatannya.

2. Nabi SAW sendiri mengatakan bahawa orang yang mentaatinya akan tergolong dalam kalangan penghuni syurga. Sudah tentulah berpegang dengan hadis-hadis Nabi SAW termasuk dalam mentaati Nabi SAW. Daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda:

كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبَى. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَأْبَى
قَالَ: مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ. وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبَى

Ertinya: “Setiap umatku akan masuk ke syurga kecuali mereka yang enggan.” Sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, siapakah itu mereka yang enggan?” Jawab Rasulullah SAW, “Sesiapa yang mentaatiku, pasti masuk ke syurga. Sesiapa yang menderhakaiku pula, maka dialah orang yang enggan.”

(Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 6851)

3. Para ulama zaman-berzaman sepakat tentang kewajiban beramal dengan hadis yang terbukti kesahihannya. Mereka menyatakan sedemikian berdasarkan petunjuk daripada khalifah Abu Bakar dan Umar serta selain mereka yang sentiasa merujuk kepada hadis apabila tidak terdapat sumbernya dalam al-Quran.
4. Allah SWT menyuruh para rasul menyampaikan risalah yang mereka terima. Untuk tujuan itu, Nabi SAW membacakan ayat al-Quran serta menjelaskan isi kandungannya menerusi hadis. Justeru, sudah tentulah seluruh manusia dituntut untuk mengikuti hadis sebagaimana ajaran Nabi SAW.

PENGERTIAN 'ULUM HADIS

Istilah 'Ulum Hadis merupakan gabungan dua perkataan dalam bahasa Arab, iaitu 'ulum dan hadis.

1. 'Ulum merupakan kata jamak (plural) kepada perkataan ilmu. Ilmu bermaksud pengetahuan mengenai sesuatu.
2. Hadis pula merupakan perkataan, perbuatan, takrir dan sifat yang disandarkan kepada Nabi SAW. Sebahagian ulama hadis juga memasukkan apa yang disandarkan kepada para sahabat dan tabi'in sebagai hadis.

Gabungan kedua-dua perkataan ini membentuk istilah 'Ulum Hadis yang bermaksud:

- Sebuah disiplin ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah untuk mengetahui perihal sanad, iaitu rantaian periwatan sesebuah hadis dan juga matan, iaitu lafaz sesebuah hadis.
- Melalui ilmu ini, seseorang dapat mengetahui kedudukan atau martabat sesebuah hadis sama ada ia diterima atau ditolak.

Secara umumnya, 'ulum hadis terbahagi kepada dua, iaitu:

1. Ilmu hadis riwayat: Ilmu yang berkaitan dengan periwatan hadis secara praktikal. sanad sesebuah hadis dari sudut keadaan perawi dan penerimaan hadis tersebut.
2. Ilmu hadis dirayah: Ilmu yang meliputi perbahasan sanad dan matan sekali gus.

HADIS, SUNNAH, ATHAR, KHABAR

Perbezaan antara Hadis, Sunnah, Athar dan Khabar

Menurut majoriti ulama hadis, istilah hadis, sunnah, athar dan khabar membawa maksud yang sama.

Sebahagian ulama hadis menyebutkan bahawa sunnah lebih khusus berbanding hadis kerana sunnah hanya dikira pada hadis-hadis yang diambil pensyariatannya. Hal ini bermaksud hadis-hadis yang telah dimansuhkan dan hadis-hadis berkenaan sifat fizikal Nabi SAW tidak termasuk dalam pengertian sunnah kerana hadis-hadis ini tidak diambil hukum-hakamnya.

Sebahagian ulama hadis pula berpandangan bahawa khabar lebih umum berbanding hadis. Khabar di sisi mereka merangkumi apa yang disandarkan kepada Nabi SAW dan selain Baginda. Apa yang diriwayatkan khusus daripada Nabi SAW pula ialah hadis. Oleh itu di sisi mereka, setiap hadis adalah khabar dan bukan setiap khabar adalah hadis.

Sebahagian yang lain pula mengkhususkan athar kepada apa yang disandarkan kepada sahabat dan tabiin. Apa yang disandarkan kepada Nabi SAW itu ialah hadis.

KEPENTINGAN 'ULUM HADIS

Kemahiran mengetahui dan menterjemahkan sabda Nabi SAW memerlukan penguasaan 'ulum hadis. Sekiranya tidak, ia akan membawa kepada kesalahan dalam menyebarkan kefahaman ilmu agama yang tidak benar.

Beberapa kepentingan mempelajari 'ulum hadis termasukah:

1. Membezakan antara hadis yang sahih dan hadis yang tidak sahih.
2. Membahagikan sesuatu riwayat hadis mengikut kategorinya berdasarkan disiplin ilmu hadis seperti hadis sahih, hadis hasan, hadis daif dan hadis palsu atau sama ada ia merupakan ucapan Nabi SAW, atau sahabat ataupun tabiin.
3. Membantu memastikan hadis-hadis yang diyakini sahaja sebagai dalil yang boleh dijadikan hujah dan sandaran dalam sesuatu permasalahan atau isu.
4. Memudahkan pembelajaran hadis sebagai pelengkap, pengukuh dan pentafsir kepada al-Quran.
5. Memahami sesuatu kehendak dan maksud hadis melalui kefahaman dan metodologi yang sahih.

Menolak Dakwaan Golongan Antihadis dan Orientalis

Hadis Nabi SAW yang terbukti sahih wajib ditaati dan diikuti. Segala ketetapan yang diputuskan menerusi hadis tidak boleh sesekali diingkari mahupun ditolak.

Sejak dahulu, terdapat golongan yang cuba menolak hadis melalui pelbagai cara dan teknik yang berbeza. Antara golongan tersebut ialah golongan orientalis dan antihadis.

Definisi:

Antihadis	Orientalis
Mereka yang menolak hadis dan menyeru umat Islam untuk beramal dengan al-Quran sahaja.	Golongan sarjana barat yang mengkaji mengenai khazanah dan warisan ketimuran khususnya berkaitan agama Islam dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan terhadap agama Islam.

Sanggahan Terhadap Dakwaan Golongan Antihadis:

1. Golongan antihadis mendakwa sunnah bukan wahyu.

Penerangan dan sanggahan:

- Dakwaan sunnah bukan wahyu telah bercanggah dengan maksud sebenar sunnah dan wahyu itu sendiri.
- Wahyu memainkan peranan penting dalam kewujudan sunnah yang merangkumi perkataan, perbuatan, pengakuan, taqir, sifat dan perjalanan hidup Baginda Nabi SAW.
- Tanpa wahyu maka sunnah tidak akan wujud kerana sunnah itu bersumberkan wahyu daripada Allah SWT.

Firman Allah SWT:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۖ عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ ﴿٥﴾

Ertinya: “Dan dia (Muhamad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran atau hadis tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat Jibril) yang amat kuat gagah.”

(*Surah al-Najm 53: 3-5*)

Nabi SAW pula bersabda:

أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْقُرْآنَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

Ertinya: “Ingatlah bahawa aku diutuskan dengan al-Quran dan yang semisal dengannya (iaitu hadis), ingatlah bahawa aku diutuskan dengan al-Quran dan yang semisal dengannya (iaitu hadis).”

(*Riwayat Ahmad, no. hadis: 17173*)

2. Golongan antihadis mendakwa al-Quran tidak memerlukan hadis.

Penerangan dan sanggahan:

- Al-Quran tidak boleh dipisahkan dengan hadis. Para ulama sepakat akan kepentingan hadis sebagai pentafsir dan penerang ayat-ayat al-Quran yang bersifat umum.
- Tanpa merujuk kepada hadis, kefahaman terhadap al-Quran yang merupakan sumber agama dan syariat Allah SWT tidak akan sempurna.

- Contohnya ibadah solat yang hanya dijelaskan perintah melakukannya dalam al-Quran namun tidak diterangkan cara melakukannya, syaratnya, rukunnya dan sebagainya.
- Semua ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya sebagaimana hadis daripada Malik bin al-Huwairith, Nabi SAW bersabda:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Ertinya: “Solatlah kalian sebagaimana aku solat.”

(Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 5662)

Sanggahan Terhadap Dakwaan Golongan Orientalis:

1. Golongan orientalis mendakwa hadis belum ditulis.

Penerangan dan sanggahan:

- Menurut orientalis seperti Joseph Schacht, hadis yang ada sekarang sebenarnya baru ditulis atau baru wujud sekitar abad ke-2 hijrah. Baginya, hadis-hadis Nabi SAW hanyalah direka-reka dan dicipta untuk meraih sokongan.
- Dakwaan ini tidak benar kerana semenjak zaman Nabi SAW telah ramai sahabat yang pandai menulis. Antaranya termasuklah Abu Umamah, Abu Ayyub al-Ansari, Abu Bakar al-Siddiq, Abu Sa'id al-Khudri, Anas bin Malik dan lain-lain.
- Semenjak zaman sahabat juga telah wujud sahifah peribadi atau lembaran yang mengandungi hadis Nabi SAW seperti Sahifah Sa'ad bin Ubadah, Sahifah Samurah bin Jundab dan Sahifah Abu Hurairah.
- Hadis juga sememangnya telah dicatat semenjak zaman Baginda Nabi SAW. Antara bukti yang terkenal ialah Perlembagaan Madinah atau Sahifah Madinah adalah perlembagaan pertama yang ditulis dalam sejarah.

2. Golongan orientalis mendakwa hadis ciptaan Nabi SAW.

Penerangan dan sanggahan:

- Orientalis antaranya Ignaz Goldziher membawa keraguan bahawa hadis merupakan ciptaan Nabi Muhammad SAW berasaskan nafsunya sahaja dan wahyu tidak berlaku.
- Tanggapan ini tidak munasabah kerana Nabi Muhammad SAW sejak sebelum kerasulan lagi terkenal sebagai al-Amin, orang yang jujur.
- Al-Quran sendiri juga menjelaskan bahawa apa yang disampaikan oleh Nabi SAW itu bersumberkan Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٣﴾ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

Ertinya: “Dan dia (Muhamad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran atau hadis tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

(Surah al-Najm 53: 3-5)

PENUTUP

Kata Ibnu al-Salah dalam Mukaddimah:

وَإِنَّ عِلْمَ الْحَدِيثِ مِنْ أَفْضَلِ الْعُلُومِ الْفَاضِلَةِ وَأَنْفَعِ الْفُنُونِ النَّافِعَةِ
يُجِبُّهُ ذُكُورُ الرَّجَالِ وَفُحُولَتُهُمْ وَيُعْنَى بِهِ مُحَقِّقُوا الْعُلَمَاءِ وَكَمَلَتُهُمْ وَلَا
يَكْرَهُهُ مِنَ النَّاسِ إِلَّا رُذَالَتُهُمْ وَسَفَلَتُهُمْ.

Ertinya: “Ilmu hadis merupakan antara ilmu yang paling afdal serta merupakan mata pelajaran yang paling bermanfaat, dicintai oleh jaguh ilmuwan, diberikan perhatian oleh golongan yang teliti, ilmu yang sempurna daripada kalangan ulama serta tidak dibenci daripada kalangan manusia melainkan golongan yang lekeh dan rendah.”

Oleh itu, berbahagialah para pelajar ilmu hadis kerana tergolong dalam mereka yang mempelajari ilmu yang sungguh mulia ini.

KLASIFIKASI HADIS BERDASARKAN BILANGAN PERAWI

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) Peserta akan memperoleh pengetahuan tentang Hadis Mutawatir dan Hadis Ahad, pembahagian berserta contoh-contohnya.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Pengertian Hadis Mutawatir
- Kategori Hadis Mutawatir
- Pengertian Hadis Ahad
- Hadis Masyhur
- Hadis 'Aziz
- Hadis Gharib
- Penutup

PENDAHULUAN

Apabila kita membaca kisah-kisah ulama hadis terdahulu, kita akan dapat menghargai usaha mereka yang bersungguh-sungguh dalam menjaga khazanah hadis Baginda Nabi SAW. Mereka bukan sahaja bersusah-payah mendapatkan sesuatu hadis menerusi perkelanaan ke banyak tempat, namun mereka juga sangat cermat dan teliti dalam mengumpul dan menilai sesuatu hadis.

Yahya bin Ma'in pernah datang bertemu Musa bin Ismail untuk mendengar hadis-hadis daripada Hammad bin Sulaiman. Musa lalu bertanya kepada beliau, "Apakah kamu tidak pernah mendengar hadis-hadis ini daripada sesiapa lagi?" Jawab Yahya, "Saya telah mendengarnya daripada 17 orang, dan kamu adalah yang ke-18." Musa pun bertanya sebab beliau berbuat sedemikian.

Maka jawab Yahya, "Sesungguhnya Hammad bin Salamah pernah melakukan kesilapan, maka saya ingin membezakan kesilapannya daripada kesilapan orang lain. Jika saya melihat para ashabnya bersepakat atas sesuatu, maka saya tahu bahawa kesilapan itu datang daripada Hammad sendiri. Manakala jika mereka bersepakat tentang sesuatu daripadanya, namun seorang daripada mereka mengatakan sebaliknya, saya tahu bahawa kesilapan itu datang daripada orang tersebut, bukan daripada Hammad. Oleh itu, saya dapat membezakan antara kesilapan yang dilakukan oleh Hammad sendiri dan kesilapan yang disandarkan kepadanya." Kisah ini diceritakan dalam kitab al-Majruhin oleh Ibnu Hibban.

Begitulah berhati-hatinya para ulama hadis dalam menerima dan meriwayatkan hadis. Mereka sanggup mendengar sesuatu hadis daripada ramai guru untuk menekuni dan mencermati periwiyatan hadis tersebut.

Pengertian Hadis Mutawatir

Bahasa	Istilah
Perkataan mutawatir (مُتَوَاتِرٌ) berasal daripada perkataan al-tawatur (التَّوَاتُرُ) yang membawa maksud bersambung-sambung atau berturut-turut.	Hadis yang diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang ramai di setiap tabaqat (peringkat) daripada tabaqat-tabaqat sanadnya, yang pada adatnya mustahil mereka berpakat untuk berdusta dan hadis tersebut pula disandarkan kepada pancaindera.

Menurut Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam *Nuzhah al-Nazar*, untuk mengkategorikan sesuatu *khbar* (atau hadis) sebagai mutawatir, maka ia mestilah memenuhi empat syarat. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Bilangan perawi yang ramai yang mustahil secara kebiasaannya menyebabkan berlakunya pendustaan atau persepakatan sesama perawi dalam mendustakan hadis.
 - Ulama berbeza pendapat dalam menentukan kadar bilangan yang ramai. Ada yang mengatakan 4 orang perawi, ada pula 5 orang, 10 orang, 40 orang, ada 70 orang dan lain-lain.
2. Bilangan perawi yang ramai berterusan sepanjang tabaqat sanad, daripada permulaan sanad sehingga ke penghujungnya.
3. Sandaran akhir hadis tersebut ialah persaksian pancaindera, sama ada melalui penglihatan, pendengaran atau sebagainya.
 - Contohnya kata perawi: "aku dengar" atau "aku lihat"
4. Mengandungi ilmu yang pasti dan diyakini (bukan sangkaan) buat sesiapa yang mendengarnya.

Hukum hadis mutawatir adalah *maqbul* atau diterima kerana ia membawa ilmu secara yakin yang manusia mesti mempercayainya dan tidak boleh didustakan. Ia secara pasti bersumber daripada Rasulullah SAW dan tiada keperluan lagi untuk dikaji dan diteliti perawinya. Hal ini kerana bilangan perawi hadis mutawatir sangat ramai yang mustahil untuk mereka berdusta mengikut logik akal.

Kategori Hadis Mutawatir

Hadis Mutawatir terbahagi kepada dua, iaitu:

No.	Jenis Mutawatir	Huraian
1.	Mutawatir Lafzi	<p>(a) Hadis yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai dengan lafaz yang sama.</p> <p>(b) Contohnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ</p> <p>Ertinya: “Sesiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja, maka siaplah tempatnya di neraka.” (Riwayat al-Bukhari, no. 1229)</p> <p>(c) Hadis ini telah diriwayatkan oleh lebih daripada 70 orang sahabat kemudian diriwayatkan lagi oleh ramai perawi pada setiap tabaqat yang lain.</p>
2.	Mutawatir Ma'nawi	<p>(a) Hadis yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai dengan lafaz yang berbeza-beza, namun kesemua lafaz tersebut memberi makna yang sama.</p> <p>(b) Menurut al-Suyuti dalam Taqrib al-Rawi, antara hadis mutawatir ma'nawi ialah hadis Nabi SAW mengangkat tangan ketika berdoa. Sekitar 100 buah hadis diriwayatkan daripada Baginda Nabi SAW yang menceritakan peristiwa berbeza-beza, namun semuanya ada menyebut bahawa Nabi SAW mengangkat tangan ketika berdoa.</p>

Pengertian Hadis Ahad

Bahasa	Istilah
Perkataan Ahad (أَحَادٌ) merupakan jamak kepada (أَحَدٌ) membawa maksud satu atau bersendirian.	Hadis yang tidak terdapat di dalamnya syarat-syarat hadis mutawatir.

Daripada pengertian ini, dapat diketahui bahawa Hadis Ahad diriwayatkan oleh jumlah perawi yang kurang berbanding Hadis Mutawatir.

Hadis Ahad juga perlu dilihat darjatnya sama ada ia sahih atau tidak. Itulah tujuan utama mempelajari 'ulum hadis ini, iaitu untuk mengetahui martabat sesebuah hadis sama ada diterima atau ditolak.

Hadis Ahad terbahagi kepada tiga iaitu:

No.	Jenis Hadis	Pengertian
1.	Hadis Masyhur	<p>Bahasa: Perkataan masyhur (مَشْهُورٌ) merupakan kata nama yang membawa maksud al-syuhrah (الشُّهُرَةُ), iaitu sesuatu yang dikenali dalam kalangan orang ramai dan berlegar-legar disebut pada lidah mereka.</p> <p>Istilah: Hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang atau lebih pada setiap tabaqah tetapi tidak mencapai taraf mutawatir.</p>
2.	Hadis 'Aziz	<p>Bahasa: Perkataan 'Aziz (عَزِيزٌ) boleh berasal daripada perkataan 'azza ya'izzu (عَزَّ يَعْزُّ) yang bermaksud sedikit dan jarang atau daripada perkataan 'azza ya'azzu (عَزَّ يَعْزُّ) yang bermaksud kuat dan kukuh.</p> <p>Istilah: Hadis yang tidak boleh kurang daripada dua orang perawi pada kesemua tabaqat sanad.</p> <p>(a) Jika terdapat lebih daripada dua orang perawi pada beberapa tabaqat sanad, ia tidak bermasalah selagi bilangan perawi yang paling minimum pada mana-mana peringkat ialah dua orang.</p>

No.	Jenis Hadis	Pengertian
		(b) Dinamakan 'Aziz lantaran hadis tersebut kuat kerana terdapat jalan lain yang menyokongnya atau kerana kewujudannya amat sedikit.
3.	Hadis Gharib	<p>Bahasa: Gharib (الْغَرِيبُ) merupakan kata sifat bagi perkataan (الْغَرَابَةُ) yang bermakna berseorangan atau bersendirian.</p> <p>Istilah: Hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja pada mana-mana tabaqat, tidak diriwayatkan oleh mana-mana perawi lain atau perawi tersebut bersendirian dalam menambah matannya atau sanadnya.</p> <p>Kata al-Bayquni dalam al-Manzhumah beliau:</p> <p style="text-align: center;">وَقُلْ غَرِيبٌ مَا رَوَى رَاوٍ فَقَطْ</p> <p>Ertinya: "Katakanlah bahawa gharib itu ialah (hadis) yang perawinya seorang sahaja."</p>

Contoh Hadis Masyhur

Daripada Abdullah bin Amru bin al-As, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُؤُوسًا جُهَالًا. فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا.

Ertinya: "Sesungguhnya Allah SWT tidak menarik ilmu secara sekali gus daripada para hamba-Nya, tetapi Dia menarik ilmu dengan mematikan para ulama sehingga apabila tiada orang alim, maka manusia menjadikan orang-orang yang jahil sebagai pemimpin. Maka apabila ditanya kepada mereka (tentang sesuatu isu), mereka berfatwa tanpa ilmu, lalu jadilah mereka sesat lagi menyesatkan."

(Riwayat al-Bukhari, no. 100)

Hadis ini diriwayatkan oleh 3 orang dan ke atas perawi pada setiap *tabaqat*. Maka hadis ini digelar sebagai Hadis Masyhur menurut istilah ulama hadis yang kita bincangkan di bawah topik Hadis Ahad ini.

Bentuk Hadis Masyhur Menurut Bahasa

Selain istilah ulama hadis, hadis masyhur juga ada yang dimaksudkan sebagai hadis-hadis yang masyhur secara bahasa atau popular dalam kalangan orang awam atau kelompok tertentu. Antaranya ialah:

1. Hadis yang masyhur dalam kalangan ulama fiqh:

أَبْغَضُ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ الطَّلَاقُ

Ertinya: “Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ialah perceraian.”

(Riwayat Ibnu Majah, no. 2018)

2. Hadis yang masyhur di sisi ulama usul fiqh:

إِنَّ اللَّهَ وَضَعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ

Ertinya: “Sesungguhnya Allah telah mengangkat (iaitu memaafkan) daripada umatku kesalahan, kelupaan dan perkara yang dipaksa ke atasnya.”

(Riwayat Ibnu Majah, no. 2046)

3. Hadis yang masyhur dalam kalangan ahli hadis, ulama dan orang awam:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Ertinya: “Seorang Muslim itu merupakan orang yang kaum Muslimin terselamat daripada gangguan lidah dan tangannya.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 10)

Kehujahan Hadis Masyhur

Hadis Masyhur ada yang sahih dan ada juga yang tidak sahih. Meskipun sesebuah hadis itu masyhur sama ada dari sudut bahasanya popular atau dari sudut istilah ulama hadis, namun ia tidak semestinya menjadikan ia sahih.

Contoh Hadis ‘Aziz

Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Ertinya: “Tidak (sempurna) iman seseorang dalam kalangan kalian sehingga aku lebih dicintai daripada ibu bapanya, anaknya dan manusia secara keseluruhan.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 15)

Hadis ini diriwayatkan daripada Anas oleh Qatadah dan Abdul Aziz. Daripada Qatadah, hadis ini diriwayatkan oleh Syu‘bah dan Sa‘id. Daripada Abdul Aziz pula, hadis ini diriwayatkan oleh Ismail bin ‘Ulayyah dan Abdul Warits.

Kehujahan Hadis ‘Aziz

Hadis ‘Aziz ada yang sahih dan ada yang tidak sahih. Ia dinilai sejauhmana hadis tersebut memenuhi syarat-syarat kesahihan sesebuah hadis.

Pembahagian Hadis Gharib

Hadis Gharib terbahagi kepada dua, iaitu:

1. **Gharib Mutlak:** Hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja pada asal sanad, iaitu pada dari awal *tabaqah* lagi, pada bahagian sahabat Nabi SAW.

Contoh hadis:

Sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Ertinya: “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan kepada niat.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1)

Hadis ini tidak diriwayatkan daripada Rasulullah SAW melainkan daripada Umar al-Khattab. Kemudian, ia tidak diriwayatkan daripada Umar al-Khattab melainkan daripada ‘Alqamah bin Waqqas. Kemudian, ia tidak diriwayatkan daripada ‘Alqamah melainkan daripada Muhammad bin Ibrahim al-Taimi.

2. **Gharib Nisbi:** Hadis yang diriwayatkan menerusi banyak sanad, namun salah satu daripada sanad tersebut diriwayatkan menerusi seorang perawi sahaja. Hadis tersebut dinamakan gharib nisbi, yakni gharib apabila diamati daripada jalur tersebut sahaja. Apabila dilihat menerusi jalur sanad yang lain, ia tidak gharib.

Contoh hadis ialah sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Awsath, no. hadis: 8846 yang mana beliau meriwayatkan hadis ini daripada Miqdam, daripada Sa’id bin Isa, daripada al-Fadl bin Fadhalah, daripada Fadhalah, daripada Muhammad bin ‘Ajlan, daripada Abu al-Zinad daripada Abdul Rahman al-A’raj, daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ. وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ. وَجَائِزَتُهُ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ وَالضِّيَافَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ. فَمَا
زَادَ فَهُوَ صَدَقَةٌ. وَلَا يَجِلُّ لَهُ أَنْ يَثْوِيَ عِنْدَهُ حَتَّى يُحْرِجَهُ. وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُقِلِّ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

Ertinya: “Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan jirannya. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya. Perbuatan memberi hidangan kepadanya adalah selama sehari semalam, layanan terhadapnya pula ialah selama tiga hari. Apa yang lebih daripada itu merupakan sedekah. Tidaklah boleh bagi tetamu untuk duduk lama di situ sehingga menyusahkan tuan rumah. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata dengan perkataan yang baik atau diam.”

Kata al-Tabarani:

لَمْ يَرَوْ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَجَلَانَ إِلَّا مُفَضَّلُ بْنُ فَضَّالٍ

Ertinya: “Hadis ini tidak diriwayatkan daripada Muhammad bin ‘Ajlan melainkan daripada Mufaddal bin Fudalah sahaja.”

Hadis ini diriwayatkan menerusi banyak sanad yang berakhir kepada Abu Hurairah. Justeru, hukumnya masyhur. Namun begitu, apabila diamati daripada jalur sanad Muhammad bin ‘Ajlan, tiada yang meriwayatkan daripada Muhammad bin ‘Ajlan melainkan Mufaddal bin Fudalah sahaja. Jalur sanad ini dihukumkan gharib nisbi.

Kehujahan Hadis Gharib

Hadis Gharib ada yang sahih dan ada yang tidak sahih. Ia dinilai sejauh mana hadis tersebut memenuhi syarat-syarat kesahihan sesebuah hadis.

PENUTUP

Begitulah pentingnya ilmu periwayatan hadis yang kita lihat di sini perbincangan para ulama tentang bilangan para perawi yang terdapat pada sanad sesebuah hadis. Setiap perawi pada yang terdapat pada sanad sesebuah hadis dikaji dan dinilai sehingga dapat dihukumkan status dan kejujuran sesebuah hadis.

Kata Abdullah bin al-Mubarak:

الإِسْنَادُ مِنَ الدِّينِ. وَلَوْ لَا الإِسْنَادُ لَقَالَ مَنْ شَاءَ مَا شَاءَ

Ertinya: “Sanad adalah sebahagian daripada agama. Kalaulah bukan kerana sanad, setiap orang boleh berkata apa sahaja yang dikehendakinya.”

Begitulah juga kata-kata daripada Abu Sa'id al-Haddad yang menyebutkan:

الإِسْنَادُ مِثْلُ الدَّرَجِ وَمِثْلُ المَرَاقِي. فَإِذَا زَلَّتْ رِجْلُكَ عَنِ المَرْقَاةِ
سَقَطْتَ.

Ertinya: “Sanad umpama tangga. Sekiranya kakimu tergelincir daripada tangga, engkau akan terjatuh.”

Ia bermaksud sanad merupakan sebuah fakta. Tanpa sokongan fakta, ucapan seseorang akan tertolak.




HADIS MAQBUL

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) Peserta akan mengenali Hadis Maqbul, mendalami pengertian Hadis Sahih dan Hadis Hasan, berserta syarat-syarat, pembahagian dan hukumnya.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Hadis Maqbul
- Hadis Sahih
- Hadis Hasan
- Penutup



PENDAHULUAN

Seperti yang diketahui, Sahih al-Bukhari merupakan kitab hadis yang paling utama dalam menghimpunkan hadis-hadis sahih. Imam al-Bukhari telah memilih hadis-hadis yang sahih lalu dimuatkan ke dalam karya agung beliau ini. Beliau juga menghasilkan karya ini dengan sungguh teliti.

Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam kitabnya menceritakan kisah berkenaan penghasilan Sahih al-Bukhari ini dengan panjang lebar sekali. Antara sebab Imam al-Bukhari menulis kitab ini adalah apabila guru beliau, Ishak bin Rahawaih telah mencadangkan kepada muridnya agar menghimpunkan hadis-hadis yang sahih. Cadangan ini sungguh berbekas di jiwanya lantas beliau pun mengusahakannya.

Imam al-Bukhari berkata bahawa beliau tidak akan menulis hadis di dalam kitabnya melainkan setelah beliau telah membersihkan diri dan menunaikan dua rakaat solat. Beliau berkata bahawa beliau tidak akan memasukkan sesebuah hadis di dalam kitabnya melainkan setelah beristikharah dan yakin akan kesahihannya.

Setelah menulis kitab ini, Imam al-Bukhari telah meminta para ulama zaman tersebut untuk menyemak dan menilai kandungan hadis yang telah dihimpunkan. Para ulama ini bukan calang-calang, mereka termasuklah Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Ma'in, Ali bin al-Madini, ramai lagi. Inilah cara yang telah dilakukan oleh Imam Malik yang telah membentangkan kitab al-Muwatta' kepada 70 orang fuqaha' di Madinah, sebagaimana yang diceritakan oleh al-Zurqani.

Ketertiban dan adab Imam al-Bukhari dalam menghasilkan kitab sahih ini akan lebih dirasai kehebatannya apabila dibaca dengan kisah-kisah perjalanan dan permusafiran ilmunya untuk menuntut serta mengambil hadis-hadis Nabi SAW. Hal ini juga termasuklah kekuatan hafalan mereka yang telah menghafal ratusan ribu hadis, lalu diteliti dan dipilih untuk dimuatkan dalam kitab-kitab mereka.

Semoga kita semua dapat mengambil ibrah dan pengajaran daripada kisah juhud dan usaha agung para ulama hadis seperti Imam al-Bukhari ini.

Perbahasan yang penting dalam 'Ulum Hadis ini ialah mengenai aspek penerimaan dan penolakan sesebuah hadis. Dari sudut ini, hadis terbahagi kepada dua sama ada diterima, iaitu Hadis Maqbul ataupun ditolak, iaitu Hadis Mardud.

Pengertian Hadis Maqbul

Bahasa	Istilah
Sesuatu yang diambil, diterima dan dibenarkan.	Hadis yang sempurna syarat-syarat penerimaannya sekali gus boleh dijadikan hujah.

Syarat sesebuah hadis diterima mestilah dengan memenuhi syarat-syaratnya sama ada dari sudut perawi, sanad mahupun matan hadis tersebut.

Perbincangan mengenai Hadis Maqbul dalam 'Ulum Hadis dikaitkan dengan perbahasan Hadis Sahih dan Hadis Hasan yang akan diperincikan satu per satu.

Pengertian Hadis Sahih

Bahasa	Istilah
Sahih (صَحِيحٌ) adalah kata sifat yang berasal daripada perkataan sahha yasihhu (صَحَّ يَصِحُّ) yang bermaksud yang sejahtera dan selamat daripada sebarang keaiban dan keraguan.	Hadis yang bersambung sanadnya yang dinukilkan oleh perawi yang adil lagi dabit (cekap kemampuan hafalannya atau tulisannya) daripada perawi yang sama sifatnya hingga akhir sanad, tidak mempunyai syaz dan tidak juga mempunyai 'illah.

Daripada istilah ini, Hadis Sahih mempunyai lima syarat:

- 1. Sanad yang bersambung:** Setiap perawi mengambil riwayat hadis secara langsung daripada orang sebelumnya, daripada awal sanad sehingga ke penghujungnya.

2. **Para perawi yang adil:** Setiap perawi mestilah mempunyai keperibadian seorang Muslim, baligh, berakal, tidak fasik dan tidak cacat maruahnyanya.
3. **Para perawit yang dabit:** Setiap perawi mestilah sempurna ketepatan, sama ada dari sudut ketepatan ingatan ataupun catatan.
4. **Tidak syaz:** Tidak ada pertentangan antara hadis yang diriwayatkan oleh perawi dengan seorang perawi yang lebih baik daripadanya.
5. **Tidak mempunyai 'illah:** Tiada kecacatan dan kesamaran yang boleh meragui atau merosakkan kesahihan sesebuah hadis.

Pembahagian Hadis Sahih

Hadis Sahih terbahagi kepada dua, iaitu:

Sahih Li Zatih	Sahih Li Ghairih
Hadis yang memenuhi syarat-syarat hadis sahih dan sampai ke darjat sahih dengan sendirinya tanpa memerlukan kepada penyokong atau saksi untuk menguatkannya.	Hadis yang berasal daripada kategori Hadis Hasan Lighairihi dan dinaikkan tarafnya kerana ia turut diriwayatkan melalui sanad yang lain yang mempunyai kekuatan untuk mendokong hadis ini.

Contoh hadis Sahih Li Zatih:

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Abdullah bin Yusuf yang meriwayatkan daripada Malik, daripada Ibnu Syihab, daripada Muhammad bin Jubayr bin Mut'im, daripada ayahnya, Jubayr bin Mut'im yang berkata,

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ فِي الْمَغْرِبِ بِالطُّورِ

Ertinya: "Saya mendengar Rasulullah SAW membaca surah al-Tur dalam solat maghrib."

(Riwayat al-Bukhari, no. 731)

Hadis ini sahih kerana memenuhi semua syarat hadis sahih. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari (meninggal 256H) daripada Abdullah bin Yusuf (meninggal 218H) daripada Malik bin Anas (meninggal 179H) daripada Ibn Syihab al-Zuhri (meninggal 124H) daripada Muhammad bin Jubayr bin Mut'im (meninggal 100H) daripada ayahnya, Jubayr bin Mut'im (59H) yang mengatakan beliau mendengar sendiri daripada Rasulullah SAW.

Sanad hadis ini bersambung, diriwayatkan oleh para perawi yang adil dan dabit, serta hadis ini juga tidak syaz dan tidak mempunyai 'illah.

Contoh hadis Sahih Li Ghairih:

Al-Tirmizi meriwayatkan daripada Abu Kuraib yang meriwayatkan daripada 'Abdah bin Sulaiman daripada Muhammad bin 'Amr daripada Abi Salamah daripada Abu Hurairah bahawasanya Nabi SAW bersabda:

لَوْ لَا أَنِ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتِهِمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ

Ertinya: "Sekiranya tidak kerana bimbang membebankan umatku, nescaya aku akan memerintahkan mereka agar bersuci setiap kali hendak menunaikan solat."

(Riwayat al-Tirmizi, no. 22)

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Abu Kuraib daripada 'Abdah bin Sulaiman daripada Muhammad bin 'Amr daripada Abi Salamah daripada Abu Hurairah. Pada sanad ini terdapat perawi bernama Muhammad bin 'Amr yang menurut sebahagian ulama, ingatannya tidak mencapai piawaian dabit yang menjadi syarat hadis sahih. Namun, hadis ini juga diriwayatkan oleh jalan sanad yang lain yang telah menyokong hadis ini dan menjadikan riwayat ini sebagai Sahih Lighairih.

Hukum Hadis Sahih

Para ulama hadis sepakat mengatakan bahawa apabila sesebuah hadis itu sahih, maka wajib beramal dengannya. Hadis Sahih merupakan hujah dalam syarak yang tidak boleh seseorang Muslim meninggalkannya. Begitulah juga, hadis sahih juga perlu difahami dengan kefahaman yang sahih bersesuaian dengan kaedah dan metodologi para ulama.

Pengertian Hadis Hasan

Bahasa	Istilah
Hasan merupakan kata sifat daripada perkataan al-Husn (الحُسْنُ) yang bermaksud keindahan.	Hadis yang bersambung sanadnya dari awal hingga akhir, perawinya juga bersifat adil dan tidak syaz serta tiada 'illah, namun terdapat perawi yang kurang sifat dabitnya.

Melalui definisi ini, hadis hasan ini menyerupai hadis-hadis sahih kecuali pada sudut salah seorang perawi sahaja yang kurang dabit.

Pembahagian Hadis Hasan

Hadis Hasan terbahagi kepada dua:

Hasan Li Zatih	Hasan Li Ghairih
Hadis yang memenuhi syarat-syarat hadis hasan dan sampai ke darjat hasan dengan sendirinya tanpa memerlukan kepada penyokong untuk menguatkannya.	Hadis yang berasal daripada kategori Hadis Dhaif dan dinaikkan tarafnya kerana ia turut diriwayatkan melalui sanad yang lain yang mempunyai kekuatan untuk mendokong hadis ini.

Contoh hadis Hasan Li Zatih:

Al-Tirmizi meriwayatkan daripada Qutaibah yang meriwayatkan daripada Ja'afar bin Sulaiman al-Duba'i, daripada Abu 'Imran al-Jawni, daripada Abu Bakar bin Abu Musa al-'Asy'ari yang berkata bahawa beliau mendengar ayahnya, Abu Musa al-Asy'ari ketika berhadapan dengan musuh berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَبْوَابَ الْجَنَّةِ تَحْتَ ظِلَالِ السُّيُوفِ

Ertinya: "Sesungguhnya pintu-pintu syurga berada di bawah naungan pedang-pedang."

(Riwayat al-Tirmizi, no. 1659)

Pada sanad hadis ini, terdapat empat perawi yang mencapai piawai hadis yang sahih. Namun begitu, terdapat seorang perawi hadis bernama Ja'afar bin Sulaiman al-Duba'i yang membuatkan hadis ini bertaraf hasan.

Contoh hadis Hasan Li Ghairih:

Al-Tirmizi meriwayatkan daripada Muhammad bin Basysyar yang meriwayatkan daripada Yahya bin Sa'id, Abdul Rahman bin Mahdi dan Muhammad bin Ja'far, bahawa mereka meriwayatkan daripada Syu'bah, daripada 'Asim bin Ubaidillah, yang mendengar Abdullah bin Amir bin Rabi'ah daripada ayahnya, Amir bin Rabi'ah yang menceritakan bahawa terdapat seorang wanita daripada kalangan Bani Fazarah telah dikahwinkan dengan mas kahwin dua pasang kasut. Lalu, Rasulullah SAW bertanya kepadanya:

أَرْضَيْتِ مِنْ نَفْسِكَ وَمَالِكِ بِنَعْلَيْنِ

Ertinya: “Apakah engkau reda terhadap diri dan hartamu dengan dua pasang kasut ini?”

Wanita itu kemudian menjawab “ya” dan Rasulullah pun membenarkannya.

(Riwayat al-Tirmizi, no. 1113)

Pada sanad hadis ini, terdapat seorang perawi bernama 'Asim bin 'Ubaidillah yang dilemahkan namun hadis ini dinaikkan menjadi hasan lighairih kerana adanya rantaian sanad yang lain yang menjadi penyokong.

Hukum Hadis Hasan

Hadis Hasan diterima oleh ulama hadis untuk dijadikan hujah dan beramal dengannya. Hal ini kerana status perawinya diketahui dan periwayatannya juga ada melalui sanad yang bersambung. Meskipun ada kekurangan pada perawi hadis, namun ia tidak menafikan kelayakan perawi tersebut untuk meriwayatkan hadis.

Hadis hasan dinilai seperti hadis sahih dari sudut penghujahannya walaupun kekuatannya sedikit kurang.

PENUTUP

Imam Muslim bin al-Hajjaj dalam Muqaddimah Sahih Muslim menukilkan kata-kata Ibnu Sirin:

لَمْ يَكُونُوا يَسْأَلُونَ عَنِ الْإِسْنَادِ. فَلَمَّا وَقَعَتِ الْفِتْنَةُ قَالُوا: سَمُّوا لَنَا
رِجَالَكُمْ. فَيُنْظَرُ إِلَى أَهْلِ السُّنَّةِ فَيُؤْخَذُ حَدِيثُهُمْ. وَيُنْظَرُ إِلَى أَهْلِ
الْبِدْعِ فَلَا يُؤْخَذُ حَدِيثُهُمْ

Ertinya: “Ulama dahulu tidak bertanya tentang sanad. Namun apabila telah berlaku fitnah, mereka berkata, ‘Sebutkan kepada kami nama-nama tokoh kamu.’ Lalu jika mereka merupakan ahli sunnah, maka riwayat hadis mereka diambil. Sebaliknya jika mereka merupakan ahli bidaah, maka riwayat hadis mereka tidak diambil.”

Bersandarkan kepada prinsip inilah, sesuatu riwayat hadis tidak sewenang-wenangnya diterima kecuali setelah diketahui sanadnya. Oleh sebab itulah, para ulama hadis sangat berhati-hati dalam menilai sesebuah hadis sebagai sahih atau pun sebaliknya.



SESI KEEMPAT




HADIS MARDUD

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) Peserta akan memahami maksud Hadis Mardud dan Hadis Daif, hukum beramal atau berhujah dengannya serta perkara-perkara yang menyebabkan hadis menjadi daif dari sudut gugur perawi pada sanad serta kritikan terhadap perawi.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Hadis Mardud
- Hadis Daif
- Hukum Beramal atau Berhujah dengan Hadis Daif
- Daif kerana Gugur Perawi Pada Sanad
- Daif kerana Kritikan terhadap Perawi
- Penutup



PENDAHULUAN

Kita dilarang menyandarkan sesuatu kepada Rasulullah SAW suatu hadis yang bukannya berasal daripada Baginda Nabi SAW. Hal ini kerana hukuman bagi orang yang berdusta atas nama Nabi SAW ini tempatnya adalah di neraka.

la sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ. مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُونِي
مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Ertinya: “Sesungguhnya berdusta atas namaku bukanlah sebagaimana berdusta atas nama orang lain. Sesiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja, maka siaplah tempatnya di neraka.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1229)

Sangat baik sekiranya kita mempunyai semangat untuk berkongsi hadis. Namun seboleh mungkin, semaklah dahulu kesahihannya sebelum disebar.

Pengertian Hadis Mardud

Setelah dipelajari perbahasan mengenai Hadis Maqbul, bahagian seterusnya pula ialah berkenaan Hadis Mardud.

Bahasa	Istilah
Sesuatu yang ditolak, atau tidak diterima.	Hadis yang tidak kuat untuk digunakan sebagai hujah kerana hilangnya satu atau lebih syarat-syarat penerimaan sesebuah hadis.

Dua faktor utama yang menyebabkan sesebuah hadis ditolak ialah:

1. Keguguran perawi dalam rantaian sanad.
2. Kritikan terhadap perawi.

Kata Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam *Nukhbah al-Fikar*:

ثُمَّ الْمَرْدُودُ: إِمَّا أَنْ يَكُونَ لِسَقْطٍ أَوْ طَعْنٍ

Ertinya: “Kemudian Hadis Mardud (yang ditolak), sama ada kerana gugur perawinya ataupun kritikan terhadap perawinya.”

Perbincangan mengenai Hadis Mardud dalam ‘Ulum Hadis berkait rapat dengan perbahasan Hadis Dhaif.

Pengertian Hadis Daif

Bahasa	Istilah
Daif (ضَعِيفٌ) berasal daripada perkataan (ضَعْفٌ يَضْعُفُ) yang bermaksud lemah, lawan kepada kuat.	Hadis yang tidak memenuhi syarat untuk diterima atau tidak mencapai taraf Hadis Sahih atau Hadis Hasan.

Kata al-Bayquni dalam *al-Manzhumah* beliau:

وَكُلُّ مَا عَنِ رُتْبَةِ الْحُسْنِ قَصْرٌ ... فَهُوَ الضَّعِيفُ وَهُوَ أَقْسَمًا كَثْرُهُ

Ertinya: “Setiap hadis yang tidak mencapai martabat Hasan, ia dikenali sebagai dhaif yang mempunyai banyak pembahagian.”

Daripada matan ini, kita mengetahui bahawa Hadis Dhaif terbahagi kepada banyak bahagian. Ada hadis dhaif, ada hadis dhaif jiddan, ada hadis munkar dan yang paling teruk sekali ialah hadis mawdu' atau hadis palsu.

Hukum Beramal atau Berhujah dengan Hadis Dhaif

Terdapat tiga pendapat daripada para ulama dalam menentukan hukum beramal atau berhujah dengan hadis dhaif ini:

No.	Pendapat	Huraian
1.	Tidak harus secara mutlak	(a) Pendapat ulama seperti Ibn al-'Arabi dan Ibn Hazm. (b) Masih banyak hadis bertaraf sahih dan agama dibina daripada al-Quran dan hadis yang sahih.
2.	Harus	(a) Pendapat ulama seperti Imam Ahmad dan Abu Daud. (b) Apabila tiada hadis lain melainkan hadis dhaif sahaja pada sesuatu bab atau topik.

No.	Pendapat	Huraian
3.	Harus Bersyarat	<p>(a) Pendapat jumhur ulama.</p> <p>(b) Ibn Hajar al-'Asqalani menyebutkan bahawa boleh beramal dengan hadis dhaif dalam fadilat amal dengan tiga syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dhaif yang tidak berat atau keterlaluan. Contohnya: Perawi yang berdusta atau dituduh berdusta atau banyak silapnya tidak boleh dijadikan hujah. • Selaras dengan asal atau asas syariat. Maksud yang terkandung dalam hadis tersebut tidak bercanggah dengan kaedah umum agama Islam. • Tidak beriktikad hadis tersebut sabit ketika beramal dengannya, hanya sekadar berhati-hati. Supaya tidak tersalah menyandarkan hadis tersebut kepada Rasulullah SAW sedangkan pada hakikatnya ia bukan hadis atau perkataan Rasulullah SAW.

Dhaif kerana Gugur Perawi pada Sanad

Pengertian

Salah satu faktor utama kepada Hadis Dhaif ialah gugur perawi pada sanad sesebuah hadis.

Gugur perawi pada sanad merujuk kepada terputusnya rantaian sanad disebabkan oleh keguguran seorang perawi atau lebih, sama ada disengajakan oleh perawi atau tidak, sama ada daripada permulaan sanad atau akhirnya atau di antara kedua-duanya, sama ada secara jelas atau tersembunyi.

Jenis-jenis Gugur Pada Sanad

1. Gugur Secara Jelas:

Jenis gugur pada sanad secara jelas ini dapat dikenal pasti dengan tidak bertemunya perawi dengan guru mereka sama ada kerana perawi tersebut tidak hidup pada zaman guru mereka atau walaupun hidup pada zaman tersebut, namun tidak bertemu dengannya mahupun meriwayatkan daripadanya.

Untuk mengetahuinya, para pengkaji sanad perlu mengetahui tarikh kelahiran para perawi, tarikh kematian, tarikh perkelanaan ilmu dan lain-lain.

Para ulama hadis telah membahagikan jenis gugur pada sanad ini kepada empat, iaitu:

No.	Jenis Hadis	Huraian
1.	Hadis Mu'allaq	(a) Hadis yang daripada permulaan sanadnya gugur seorang perawi atau lebih dengan berturut-turut. (b) Contohnya dalam Sahih al-Bukhari, Imam al-Bukhari ada menyebutkan terus nama sahabat berserta matan hadisnya tanpa menyebutkan perawi sebelum sahabat tersebut. Dari sudut ini, ia dikategorikan sebagai Hadis Mu'allaq. Namun, perlu juga dilihat

No.	Jenis Hadis	Huraian
		pada riwayat lain yang mungkin dapat ditemukan sanadnya seperti contoh dalam Sahih al-Bukhari ini.
2.	Hadis Mursal	<p>(a) Hadis yang diriwayatkan oleh tabi'in (pengikut atau anak murid sahabat) dan disandarkan terus kepada Nabi SAW tanpa menyebut nama perantaranya, iaitu sahabat.</p> <p>(b) Contohnya disebutkan hadis daripada tabi'in, Sa'id al-Musayyab bahawa Rasulullah SAW bersabda. Contoh ini menunjukkan ada perawi yang gugur pada sanad. Sekiranya perawi yang gugur itu merupakan sahabat, maka ia tidak bermasalah. Namun sekiranya ada perawi yang digugurkan itu sebagai contoh merupakan tabiin yang dhaif, maka ia menjadi bermasalah.</p>
3.	Hadis Mu'dhal	Hadis yang gugur dua orang perawi atau lebih secara berturutan dalam sanad.
4.	Hadis Munqati'	<p>(a) Sebahagian ulama hadis menyatakan ia merupakan kesemua jenis hadis yang terputus sanadnya, sama ada daripada awal sanad, akhirnya atau lain-lain yang merangkumi ketiga-tiga jenis Hadis Mu'allaq, Mursal dan Mu'dhal sebelum ini.</p> <p>(b) Sebahagian lagi menyebutkan bahawa Hadis Munqati' ialah hadis-hadis yang terputus sanadnya dalam bentuk selain daripada Hadis Mu'allaq, Mursal dan Mu'dhal.</p>

2. Gugur Secara Tersembunyi:

Jenis gugur pada sanad secara tersembunyi ini hanya dapat dikenal pasti oleh para ulama yang mahir dalam mengkaji sanad dan 'ilal (kecacatan) yang terdapat pada sesebuah hadis. Ia terbahagi kepada dua:

No.	Jenis Hadis	Huraian
1.	Hadis Mudallas	<p>(a) Hadis yang mana perawinya melakukan tadlis, iaitu menyampaikan hadis yang tidak didengarnya secara langsung daripada gurunya dengan seolah-olah perawi itu mendengar hadis tersebut daripada gurunya secara langsung.</p> <p>(b) Contohnya, perawi tersebut menggunakan perkataan "daripada guru saya" berbanding "saya mendengar daripada guru saya berkata". Pada hakikatnya perawi berkenaan tidak mendengar hadis tersebut daripada gurunya, bahkan telah mengambilnya daripada orang lain.</p>
2.	Hadis Mursal Khafiy	<p>(a) Hadis yang perawinya meriwayatkan hadis daripada perawi lain yang sezaman dengannya yang pada hakikatnya dia tidak pernah berjumpa dan meriwayatkan daripada perawi tersebut.</p> <p>(b) Perbezaan Hadis Mudallas dengan Hadis Mursal Khafiy adalah dalam Hadis Mursal Khafiy, perawinya tidak pernah berjumpa dan meriwayatkan daripada perawi lain tersebut sementara dalam Hadis Mudallas, perawinya pernah meriwayatkan.</p>

Dhaif kerana Kritikan terhadap Perawi

Maksud kritikan terhadap perawi ialah celaan terhadap perawi dan penerangan terhadap sifatnya dari sudut keadilannya, ketelitiannya, kekuatan hafazannya dan sebagainya.

Menurut Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam *Nukhbah al-Fikar*, kritikan atau celaan kepada perawi ini disebabkan oleh 10 perkara, iaitu:

No.	Jenis Perawi	Huraian
1.	Perawi yang berdusta	Disebabkan oleh perawi yang berdusta, maka hadisnya dinamakan sebagai Hadis Mawdu' yang dikenali ramai sebagai hadis palsu. Ia merupakan kategori hadis yang paling dahsyat. Antara golongan pemalsu hadis ialah golongan zindiq, ahli ibadah yang jahil, kelompok fanatik, pembodek pemerintah dan (qussas) penglipur lara.
2.	Perawi yang dituduh sebagai pendusta	Perawi yang dituduh berdusta, maka hadisnya dinamakan sebagai Hadis Matruk. Perawinya pernah dan selalu berdusta kepada orang lain, maka tidak mustahil bagi orang yang selalu berdusta dalam urusan harian mereka untuk berdusta ke atas Nabi SAW. Maka, hadis-hadis mereka ditinggalkan riwayatnya.
3.	Perawi yang teruk kesalahannya	Untuk jenis yang ketiga, keempat dan kelima, iaitu disebabkan oleh perawi yang teruk kesalahannya, banyak kelalaiannya dan fasik, maka hadisnya dinamakan sebagai Hadis Munkar .
4.	Perawi yang banyak kelalaiannya	
5.	Perawi yang fasik	
6.	Perawi yang banyak keraguan dalam riwayatnya	Disebabkan oleh perawi yang banyak keraguan dalam riwayatnya, jika ia dikenal pasti melalui petunjuk serta jalan periwayatan yang dihimpunkan, maka hadisnya dinamakan sebagai Hadis Mu'allal .

No.	Jenis Perawi	Huraian
7.	Perawi yang riwayatnya bercanggah dengan riwayat perawi lain	<p>(a) Jika ia berlaku melalui konteks hadis, maka ia dinamakan sebagai Mudraj al-Isnad.</p> <p>(b) Jika percanggahan tersebut disebabkan oleh gabungan riwayat Mawquf dan Marfu', maka ia dinamakan sebagai Mudraj al-Matn.</p> <p>(c) Jika percanggahan terhasil daripada sesuatu lafaz dalam riwayat (sama ada sanad atau matan) yang didahulukan dan dikemudiankan dari tempat asalnya, maka ia dinamakan Maqlub.</p> <p>(d) Jika percanggahan berlaku apabila perawi menambah nama seorang perawi dalam sanadnya, maka ia dinamakan sebagai al-Mazid fi Muttasil al-Asanid.</p> <p>(e) Jika percanggahan itu terletak pada perubahan nama perawi dalam sanad, tanpa sebarang kemungkinan untuk melakukan tarjih, maka ia dinamakan sebagai Mudtarib.</p> <p>(f) Jika percanggahan berlaku dengan sesuatu perubahan pada titik dan baris perkataan namun konteks dikekalkan, maka ia dinamakan Musahhaf (kesilapan titik huruf) dan Muharrarf (kesilapan baris huruf).</p>
8.	Perawi yang majhul (tidak dikenali)	<p>(a) Jahalah (tidak kenal atau ketidaktahuan) berlaku apabila seorang perawi yang dikenali dengan pelbagai gelaran atau kata sifat, namun perawi tersebut disebut dalam sanad dengan suatu gelaran yang tidak popular untuk tujuan tertentu. Dalam hal ini, ahli hadis mengarang al-Mudih, iaitu kitab-kitab yang menjelaskan identiti para perawi sebegini.</p>

No.	Jenis Perawi	Huraian
		<p>(b) Adakalanya perawi sebegini tidak banyak meriwayatkan hadis, maka bilangan anak muridnya tidak ramai. Dalam hal ini, ahli hadis mengarang al-Wuhdan, iaitu kitab-kitab mengenai para perawi yang sedikit hadisnya.</p> <p>(c) Kadang-kala perawi sebegini langsung tidak dinamakan untuk meringkaskan riwayat, maka ia dinamakan sebagai Mubham.</p> <p>(d) Jika nama perawi disebut dan hanya terdapat seorang sahaja perawi yang meriwayatkan daripadanya, maka ia dinamakan sebagai Majhul al-'Ain.</p> <p>(e) Jika terdapat dua orang perawi atau lebih yang meriwayatkan daripadanya dan tidak pernah ada yang menilainya sebagai tsiqah (yang dipercayai), maka ia dinamakan sebagai Majhul al-Hal atau Mastur.</p>
9.	Perawi yang melakukan bidaah	<p>(a) Sekiranya bidaah yang dilakukan menyebabkan pelakunya terjatuh dalam kekufuran, maka majoriti ahli hadis berpendapat riwayat hadis pelaku bidaah ini ditolak.</p> <p>(b) Sekiranya bidaah yang dilakukan menyebabkan pelakunya menjadi fasiq, ulama hadis berbeza pandangan. Ada yang menolaknya bulat-bulat. Ada pula yang menerimanya. Ada juga yang menerima secara bersyarat. Menurut Ibnu Hajar al-'Asqalani, riwayat mereka diterima dengan syarat hadis tersebut tidak menyebarkan atau menguatkan fahaman bidaahnya dan juga perawi tersebut bukanlah ahli bidaah yang tegar yang menyeru kepada bidaahnya.</p>

No.	Jenis Perawi	Huraian
10.	Perawi yang teruk hafalannya.	<p>(a) Jika hafalan yang teruk ini berterusan atau merupakan suatu perkara biasa, maka hadisnya termasuk dalam kategori Hadis Syaz, menurut satu pendapat.</p> <p>(b) Jika ia jarang berlaku, maka hadisnya dikategorikan sebagai Hadis Mukhtalit.</p>

PENUTUP

Sebagai seorang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kita hendaklah sedaya upaya menjaga nama dan memelihara ucapan Baginda Nabi SAW.

Memeliharanya daripada dicemari oleh pendustaan terhadap hadis Baginda Nabi SAW adalah merupakan salah satu bentuk kecintaan kita kepada Baginda Nabi SAW.

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ
أَجْمَعِينَ

Ertinya: “Tidak sempurna iman seseorang daripada kalian sehinggalah dia lebih kasihkan daku berbanding ibu bapanya, anaknya dan manusia keseluruhannya.”



KLASIFIKASI HADIS DAN SANDARAN KEPADANYA

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) Peserta akan memahami pengertian, pembahagian serta contoh-contoh Hadis Qudsi, Hadis Marfu', Hadis Mawquf dan Hadis Maqtu'.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Hadis Qudsi
- Hadis Marfu'
- Hadis Mauquf
- Hadis Maqtu'
- Penutup

PENDAHULUAN

Para ulama hadis sangat memberi perhatian tentang kesahihan sesebuah hadis. Mereka menilai sesebuah hadis dengan sangat cermat dan teliti. Oleh sebab ketekunan mereka ini, kita dapat membezakan yang mana satu hadis Nabi SAW yang sahih dan yang mana satu hadis Nabi SAW yang tidak sahih. Mereka mempunyai ingatan yang kuat dan tepat. Setiap satu sandaran kepada Nabi SAW diteliti setepat-tepatnya.

Terdapat sebuah kisah menarik bagaimana hebatnya hafalan penulisnya, iaitu Muhammad bin Ismail al-Bukhari diceritakan oleh Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam kitab Hady al-Sari.

Suatu ketika, para ulama di Baghdad mendapat tahu yang Imam al-Bukhari akan datang ke Baghdad. Apabila para ulama hadis mengetahuinya, mereka pun berkumpul dan merancang untuk menguji kekuatan hafalan Imam al-Bukhari. Mereka pun persiapkan 100 buah hadis lalu dibolak-balikkan sanad dan matannya. Sanad itu ditukar dengan sanad ini, matan itu ditukar dengan matan ini.

100 buah hadis ini dibahagikan kepada 10 orang yang setiap orang itu akan bertanyakan 10 buah hadis tersebut kepada Imam al-Bukhari. Apabila telah bermulanya majlis pertemuan itu, mereka lalu bertanya seorang demi seorang kepada Imam al-Bukhari. Setiap kali ditanya, Imam al-Bukhari menjawab, "Aku tidak mengetahuinya." Sudah pastilah jawapan Imam al-Bukhari ini akan menimbulkan tanda tanya dalam kalangan hadirin yang hadir tentang tahap hafalan Imam al-Bukhari. Majlis itu pula dihadiri oleh ramai orang termasuklah mereka dari luar Baghdad.

Namun rupa-rupanya, setelah 10 orang itu selesai bertanya, Imam al-Bukhari lalu membetulkan setiap hadis satu per satu. Beliau bermula dengan berkata kepada orang pertama, "Hadis pertama yang kamu katakan itu, yang tepatnya begini. Hadis kedua kamu pula, yang tepatnya begini." Begitulah ketiga, keempat dan seterusnya sehingga sepuluh. Lalu, beliau berpindah pula kepada orang kedua sehingga akhirnya.

Semua sanad dan matan hadis dibetulkan semula oleh Imam al-Bukhari. Hal ini menyebabkan para ulama terpegun dengan kelebihan ini dan mengakui ketokohnya dalam hafalan hadis.

Begitulah kuat dan terpeliharanya hafalan hadis para ulama dahulu.

Pengertian Hadis Qudsi

Bahasa	Berasal daripada perkataan (الْقُدْسُ), iaitu suci atau bersih. Dinisbahkan sedemikian yang menunjukkan adanya pengagungan atau penyandaran kepada Zat Allah yang Maha Suci.
Istilah	Hadis Nabi SAW yang menceritakan firman Allah SWT. Menurut al-Jurjani dalam al-Ta'rifat, hadis qudsi merupakan hadis yang maknanya datang daripada Allah, sementara lafaznya pula daripada SAW. Hadis qudsi merupakan khabar daripada Allah SWT kepada Nabi-Nya melalui ilham atau mimpi, lalu kemudian Rasulullah SAW menyampaikan hal itu dengan ucapan atau lafaz daripada Baginda sendiri. Oleh itu, al-Quran lebih utama berbanding hadis qudsi kerana Allah SWT juga menurunkan lafaznya.

Perbezaan Hadis Qudsi daripada Al-Quran dan Hadis Nabawi

No.	Hadis Qudsi	Al-Quran dan Hadis Nabawi
1.	Makna Hadis Qudsi sahaja daripada Allah SWT.	Lafaz dan makna al-Quran daripada Allah SWT
2.	Hadis Qudsi tidak boleh dibaca dalam solat.	Al-Quran boleh dibaca dalam solat.
3.	Membaca Hadis Qudsi bukanlah merupakan ibadah khusus yang berpahala.	Membaca al-Quran merupakan ibadah khusus yang berpahala
4.	Dinisbahkan kepada Allah SWT	Hadis Nabawi pula dinisbahkan kepada Rasulullah SAW.
5.	Hadis Qudsi merupakan wahyu daripada Allah SWT.	Hadis Nabawi boleh jadi merupakan ijihad daripada Nabi SAW

Contoh:

Nabi SAW bersabda bahawa Allah SWT berfirman:

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أُجْزِي بِهِ.

Ertinya: “Setiap amalan anak-anak Adam itu adalah untuknya sendiri kecuali puasa, maka sesungguhnya puasa itu untuk-Ku, dan Aku sendiri yang akan memberikan ganjarannya.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 5583)

Kehujahan Hadis Qudsi

Meskipun maknanya berasal daripada Allah SWT, namun Hadis Qudsi bukanlah seperti al-Quran yang semestinya dinukilkan secara mutawatir. Oleh itu, Hadis Qudsi tidak mencapai taraf yang sama dengan al-Quran.

Hadis Qudsi masih tertakluk kepada metodologi yang disusun oleh ulama hadis untuk menentukan kedudukannya sama ada ianya sahih atau sebaliknya.

Pengertian Hadis Marfu'

Bahasa	Berasal daripada perkataan (رَفَعَ) yang bermaksud mengangkat. Dinamakan sedemikian kerana ia dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW yang tinggi dan mulia kedudukannya.
Istilah	Hadis yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, pengakuan (taqrir) dan sifatnya. Termasuk dalam istilah Marfu' ini sahabat atau tabi'in atau sesiapa sahaja yang menyandarkannya kepada Nabi SAW dan sama ada bersambung sanadnya mahupun tidak.

Pembahagian Hadis Marfu'

Berdasarkan pengertiannya, Hadis Marfu' boleh dibahagikan kepada empat bahagian:

No.	Jenis Hadis	Huraian
1.	Marfu' Qawli	<p>Contoh hadis:</p> <p>Abu Musa al-Asy'ari RA meriwayatkan, Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">المُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا</p> <p>Ertinya: "Seorang Mukmin itu sesama Mukmin lain seperti binaan (batu tembok) yang saling menguatkan antara satu sama lain."</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat al-Bukhari, no. 5680)</p>
2.	Marfu' Fi'li	<p>Contoh hadis:</p> <p>Al-Nu'man bin Basyir menceritakan:</p> <p style="text-align: center;">كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَوِّي صُفُوفَنَا إِذَا قُمْنَا لِلصَّلَاةِ. فَإِذَا اسْتَوَيْنَا كَبَّرَ</p> <p>Ertinya: "Nabi SAW membetulkan saf-saf apabila kami akan solat. Setelah saf itu lurus, barulah Nabi SAW mengangkat takbir."</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Abu Daud, no.664)</p>
3.	Marfu' Taqriri	<p>Contoh hadis:</p> <p>Kata Ibn Abbas:</p> <p style="text-align: center;">وَكُنَّا نُصَلِّي عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رُكْعَتَيْنِ بَعْدَ غُرُوبِ الشَّمْسِ قَبْلَ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ. كَانَ يَرَانَا نُصَلِّيهِمَا فَلَمْ يَأْمُرْنَا وَلَمْ يَنْهَنَا</p>

No.	Jenis Hadis	Huraian
		<p>Ertinya: “Kami (para sahabat) menunaikan solat dua rakaat setelah terbenamnya matahari sebelum solat maghrib. Rasulullah SAW melihat kami melakukannya. Baginda tidak pula menyuruh kami atau melarang kami.”</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim, no. 836)</p>
4.	Marfu' Wasfi	<p>Contoh hadis:</p> <p>Aisyah r.ha. menceritakan:</p> <p style="text-align: center;">فَإِنَّ خُلُقَ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ الْقُرْآنَ</p> <p>Ertinya: “Sesungguhnya akhlak Nabi Muhammad SAW adalah al-Quran.”</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim, no. 746)</p>

Kehujahan Hadis Marfu'

Sekiranya hadis marfu' ini mencapai darjat hadis maqbul, maka ia merupakan hujah dan perlu beramal dengannya.

Pengertian Hadis Mawquf

Bahasa	Berasal daripada perkataan (وَقَفَّ) yang bermaksud berhenti. Dinamakan sedemikian kerana seolah-olah perawi memberhentikan hadis sehingga sahabat sahaja.
Istilah	Hadis yang disandarkan kepada sahabat Nabi SAW sama ada dalam perkataan, perbuatan atau persetujuan (taqrir) mereka.

Pembahagian Hadis Mawquf

No.	Jenis Hadis	Huraian
1.	Mawquf Qawli	<p>Contoh hadis:</p> <p>Kata-kata Saidina Ali r.a.:</p> <p style="text-align: center;">حَدِّثُوا النَّاسَ بِمَا يَعْرِفُونَ أَتَحِبُّونَ أَنْ يُكَذَّبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ</p> <p>Ertinya: “Bercakaplah dengan manusia mengikut pengetahuan mereka, adakah anda mahu Allah dan Rasul-Nya didustakan?” (Riwayat al-Bukhari, no. 127)</p>
2.	Mawquf Fi’li	<p>Contoh hadis:</p> <p style="text-align: center;">وَأَمَّ ابْنُ عَبَّاسٍ وَهُوَ مُتَيَّمٌ</p> <p>Ertinya: “Ibnu Abbas menjadi imam sedangkan beliau bertayamum.” (Riwayat al-Bukhari, jil. 1, hlm. 130)</p>
3.	Mawquf Taqriri	Contohnya sebahagian tabi’in menyatakan bahawa beliau berbuat sesuatu di hadapan seorang sahabat dan sahabat tersebut tidak mengingkari perbuatannya tersebut.

Kehujahan Hadis Mawquf

Hadis Mawquf juga ada yang sahih dan ada yang tidak sahih. Hadis Mawquf juga pada umumnya bukanlah hujah seperti Hadis Marfu' kerana ia datang daripada sahabat.

Namun begitu, terdapat istilah yang disebutkan para ulama sebagai "Mawquf pada lafaz, Marfu' pada hukum" yang lafaznya berasal daripada sahabat namun hukumnya datang daripada Rasulullah SAW. Jika yang demikian, ia menjadi hujah dan perlu beramal dengannya seperti Hadis Marfu'.

Termasuk dalam istilah ini hadis-hadis seperti para sahabat memberitahu tentang ganjaran pahala atau balasan azab sesuatu perkara secara khusus dan peristiwa akan datang seperti keadaan pada hari kiamat.

Pengertian Hadis Maqtu'

Bahasa	Berasal daripada perkataan (قَطَعَ) yang bermaksud memutuskan.
Istilah	Hadis yang disandarkan kepada tabi'in atau kepada generasi selepasnya sama ada perkataan atau perbuatan.

Pembahagian Hadis Maqtu'

No.	Jenis Hadis	Huraian
1.	Maqtu' Qawli	<p>Contoh hadis:</p> <p>Imam Malik apabila berpisah dengan sahabat-sahabatnya, beliau akan mengucapkan:</p> <p style="text-align: center;">اتَّقُوا اللَّهَ وَانْشُرُوا هَذَا الْعِلْمَ وَعَلِّمُوهُ وَلَا تَكْتُمُوهُ</p> <p>Ertinya: "Bertakwalah kepada Allah SWT, sebarkanlah ilmu ini, ajarkanlah ia dan jangan kamu sembunyikannya."</p> <p>Ucapan ini diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Barr dalam Jami' al-Bayan al-'Ilm wa Fadlih, no. 781. Kata-kata ini bukan daripada Nabi SAW, mahupun sahabat namun ia merupakan kata-kata Imam Malik.</p>
2.	Maqtu' Fi'li	<p>Contoh: Ibrahim bin Muhammad bin al-Muntasyir menceritakan bahawa Masruq sering kali melabuhkan tabir antara dirinya dan ahli keluarganya. Dia terus solat dan membiarkan mereka dengan urusan dunia mereka. (Rujuk: Hilyah al-Awliya', jil. 2, hlm. 96)</p>

Kehujahan Hadis Maqtu'

Hadis Maqtu' pada dasarnya tidak dijadikan hujah dalam mana-mana hukum syarak walaupun sahih sandarannya. Hal ini kerana ia hanya merupakan kata-kata salah seorang umat Islam yang bukannya Nabi SAW mahupun sahabat.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat petanda yang menunjukkan ia Marfu' seperti sesetengah perawi yang menyebutkan bahawa tabi'in memarfu'kan hadis tersebut, maka ia dianggap mempunyai hukum Marfu' Mursal.

PENUTUP

Menjadi tanggungjawab dan akhlak bagi seorang Muslim untuk memastikan kebenaran berita atau maklumat yang sampai kepadanya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman. Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

(Surah al-Hujurat 49: 6)

Begitulah yang kita pelajari daripada ilmu hadis ini. Kita belajar untuk menjadi lebih cermat dan teliti dalam berinteraksi dengan apa sahaja maklumat yang kita terima. Semoga Allah SWT kurniakan kita kefahaman untuk beramal dengan ilmu yang telah dipelajari.

SENARAI RUJUKAN PENTING

Bahasa Melayu:

1. Ulum Al-Hadith – Dr. Ab. Latif Muda dan Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin.
2. Perbahasan Ilmu Mustalah Al-Hadith – Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin.
3. Pengantar Ulum Hadis dan Sunan Sittah – Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin.
4. Kajian Al-Hadith – Muhammad Mukhlis Hj Mohd Yunus dan Zulkifli Hj Mohd Yusoff.
5. Kenali Ilmu Hadis – Huzaifah Hadis.
6. Kit Pemula 'Ulum Hadith – susunan dan terjemahan Mohd Nawawi bin Abdul Razak dan Mohamad Hilmi bin Marjunit.
7. Kemuliaan Ahli Hadis – Al-Khatib al-Baghdadi, terjemahan Dr. Umar Muhammad Noor.

Bahasa Arab:

1. Taysir Mustalah al-Hadis – Dr. Mahmud al-Tahhan.
2. Al-Minhaj al-Hadis fi 'Ulum al-Hadis – Prof. Dr. Syaraf al-Qudah.
3. Nuzhah al-Nazar – Ibnu Hajar al-'Asqalani.
4. Al-Manzhumah al-Baiquniyyah – Al-Baiquni.
5. Al-Muqaddimah – Ibnu al-Salah.
6. Tadrib al-Rawi – Jalaluddin al-Suyuti.
7. Al-Majruhin – Ibnu Hibban.
8. Fath al-Bari – Ibnu Hajar al-'Asqalani.